

KAJIAN MENGENAI NILAI MURNI MELALUI KEUNIKAN DIALEK KELANTAN DALAM CERITA RAKYAT MELAYU DI KELANTAN

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB*

SURIATINI ISMAIL**

DAENG HALIZA DAENG JAMAL***

SAHRUDIN MOHAMED SOM****

FARRAH ATIKAH SAARI*****

NASIRIN ABDILLAH*****

firdaus.cy@umk.edu.my*, suriatini@umk.edu.my**, haliza.j@umk.edu.my***, sahrudin@ms.umk.edu.my****, atikah.s@umk.edu.my*****, nasirin@umk.edu.my*****

Abstrak

Pada era globalisasi kini, penyelidikan terhadap cerita rakyat Melayu semakin popular dan mendapat tempat dalam kalangan para sarjana di Malaysia. Hal ini kerana, para sarjana di dalam dunia akademik telah menyedari bahawa cerita rakyat Melayu merupakan bahan yang sewajarnya diangkat kerana kaya dengan nilai warisan kebudayaan Melayu. Kajian ini dijalankan kerana rata-rata masyarakat pada hari ini menganggap cerita rakyat hanya bersifat rekaan semata-mata, sekadar berhibur dan tidak memiliki nilai-nilai murni yang dapat dijadikan sebagai pengajaran kepada masyarakat. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai murni baik hati berdasarkan kepada keunikan dialek Kelantan yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan. Seterusnya, kajian ini sekali gus akan mendokumentasikan dan memartabatkan keunikan dialek Kelantan yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan. Selain itu, kajian ini membataskan sebelas cerita rakyat Melayu yang diperoleh daripada sumber di Bachok, Kelantan sebagai data kajian. Tambahan pula, pendekatan analisis kandungan kualitatif dipilih sebagai kerangka panduan untuk menyempurnakan kajian ini. Di samping itu, pendekatan kemasyarakatan dijadikan sebagai deduktif kajian untuk memantapkan hujah perbincangan. Sebagai kesimpulannya, kajian ini juga berhasil membuktikan beberapa penemuan melalui penelitian terperinci terhadap keunikan dialek Kelantan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan yang menggambarkan ketamadunan masyarakat pada masa lampau melalui amalan nilai-nilai murni yang jitu.

Kata Kunci: Cerita Rakyat Melayu, Dialek Kelantan, Nilai Murni, Pendekatan Kemasyarakatan

Dihantar : 15 Oktober 2021

Disemak : 5 September 2021

Diterbit : 31 Mac 2022

* Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

** Profesor Madya di Fakulti Senibina dan Ekistik, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

*** Pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

**** Pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

***** Pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

***** Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.



A STUDY ON 'NILAI MURNI' OF THE MALAY FOLKLORE IN KELANTAN THROUGH THE UNIQUENESS OF KELANTANESE DIALLECT

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB*

SURIATINI ISMAIL**

DAENG HALIZA DAENG JAMAL***

SAHRUDIN MOHAMED SOM****

FARRAH ATIKAH SAARI*****

NASIRIN ABDILLAH*****

*firdaus.cy@umk.edu.my**, *suriatini@umk.edu.my***, *haliza.j@umk.edu.my****,
*sahrudin@ms.umk.edu.my*****, *atikah.s@umk.edu.my******, *nasirin@umk.edu.my******

Abstract

In the era of globalization, a study on Malay folklore has become increasingly popular and gained attention amongst scholars in Malaysia. This is because scholars in the academic world have realized that Malay folklore consists of values of the Malay culture. This study was conducted as many were assumed that folklore is only fiction entertainment and does not possess any lessons that society can learn. Therefore, this study was conducted to identify and analyze the 'nilai murni' through the uniqueness of the Kelantanese dialect in the Malay folklore in Bachok, Kelantan. At the same time, this study has documented all the Malay folklore that used a Kelantanese dialect in Bachok, Kelantan. This study has been restricted to 11 Malay folklores derived from the research data in Bachok, Kelantan. In addition, the content analysis approach was chosen as a guideline framework. The community approach was used as deductive reasoning in the discussions. In conclusion, this study proved some of the findings in a detailed study of the uniqueness of the Kelantan dialect contained in Malay folklore in Bachok, Kelantan, which describes the civilization of the past through the practice of 'nilai murni'.

Keywords: Community approach, Kelantan dialect, Malay Folklore, Values,

Submitted : 15 October 2021

Revised : 5 September 2021

Published : 31 Mac 2022

* Senior Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

** Associate Professor at Faculty of Architecture and Ekistics, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

*** Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

**** Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

***** Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

***** Senior Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.



1.0 Pengenalan

Cerita rakyat Melayu ialah sebuah cerita lisan yang disampaikan oleh nenek moyang kepada cucu-cucu dan anak-anak pada masa lampau dan dipanjangkan sehingga ke hari ini. Contohnya, cerita jenaka, mitos dan lagenda, binatang, hantu dan lain-lain. Sehubungan itu, cerita rakyat Melayu suatu hasil pengucapan berbentuk lisan yang berkembang dalam kalangan masyarakat yang memilikinya secara bersama-sama, dipertuturkan, dan penyebarannya secara lisan daripada generasi terdahulu sehingga kini (Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah, 2018). Sesungguhnya, cerita rakyat Melayu sewajarnya dipulihara, dipelihara dan dimartabatkan ke tahap yang lebih meluas agar ianya menjadi alat warisan bersejarah sampai ke bila-bila.

Rentetan itu, tukang cerita ialah individu yang memainkan peranan penting untuk menyampaikan sesebuah cerita. Pencerita merujuk kepada individu yang berkebolehan untuk menyampaikan sesebuah cerita yang berperanan sebagai fantasi kepada masyarakat pendukung. Menerusi cerita rakyat Melayu, pencerita memainkan peranan sangat penting untuk menghidupkan dan melancarkan jalan sesebuah cerita agar lebih menarik dengan keunikan dialek. Oleh itu, jelaslah kepada kita bahawa pencerita merupakan individu yang sangat penting dalam kalangan masyarakat pendukung dan mereka juga merupakan individu-individu yang berkebolehan untuk menjadi seorang penghibur ketika menyampaikan sesebuah cerita agar khalayak tidak bosan dan sentiasa bergembira (Ismail Hamid, 2001).

Di samping itu, merujuk kepada aspek dalam kajian ini, dialek merupakan suatu komponen sangat penting yang menjadi kerangka asas dalam proses menginterpretasikan cerita rakyat Melayu dalam bentuk teks secara sistematik. Oleh hal yang demikian, dialek ini merupakan kayu ukur bagi penerapan amalan hidup dalam kelompok masyarakat. Hal ini, kerana dialek mencerminkan dan menonjolkan suatu kebudayaan sesebuah masyarakat. Oleh itu, masyarakat Melayu menjadikan dialek yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu sebagai landasan penting untuk membentuk jati diri untuk memastikan kelangsungan hidup yang lebih baik dan sistematik. Hal ini, kerana setiap cerita rakyat Melayu yang disampaikan oleh pencerita kepada khalayak sememangnya kaya dengan keagungan dialek boleh membentuk masyarakat yang bertamadun.

Tambahan pula, cerita rakyat Melayu adalah manifestasi kesusasteraan rakyat yang ditemui dalam kalangan masyarakat pendukung, dan dalam erti kata yang lain sebagai sastera daerah, yang menggunakan cara lisan dalam kalangan etnik dan kelompok kaum masing-masing serta kaya dengan keunikan dialek. Sebagaimana yang kita ketahui, di Kelantan juga kaya dengan khazanah lisan ini, khususnya cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan. Oleh itu, usaha ini wajar dikaji dan diterokai demi memastikan khazanah bangsa yang bernilai ini tidak hilang begitu sahaja dan memandangkan dari sudut ilmiah masih lagi belum diperjuangkan. Lantaran perkembangan dunia alaf baru dengan kemunculan pelbagai gajet moden dan lambakan fiksiyen moden, sudah pasti akan menyebabkan cerita rakyat Melayu yang memiliki keunikan dialek tidak mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat setempat. Rentetan daripada itu, usaha ini wajar diperjuangkan dan diteruskan untuk mendokumentasikan dan memartabatkan keunikan dialek di Bachok, Kelantan tidak berkubur dengan begitu sahaja. Hal ini, kerana pengkaji berjaya menemui pencerita yang berkebolehan untuk menyampaikan cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan. Hal ini, ternyata sesebuah cerita yang disampaikan itu keunikan dialek dan



menggambarkan kebudayaan Melayu secara khusus. Lantas, dengan adanya pendokumentasian dan pemertabatan keunikan dialek yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan ini agar dapat dijadikan keunggulan kebudayaan masyarakat Melayu.

2.0 Pengkajian Cerita Rakyat Melayu di Kelantan

Muhammad Azwi Mehrat (2014) dalam kajian bertajuk *Perbandingan kisah Puteri Saadong di antara sumber bertulis dan sumber lisan di Bukit Marak, Kelantan* telah mendokumentasikan cerita Puteri Saadong berasaskan sumber lisan. Kajian ini telah memfokuskan versi penceritaan kisah Puteri Saadong di Bukit Marak, Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan rakaman. Selain itu, bagi mengenalpasti perbezaan versi, kajian perbandingan telah dilakukan dengan sumber sekunder bagi memperoleh perbandingan plot-plot penceritaan utama yang membawa nilai mendalam kepada sejarah kesusasteraan negeri Kelantan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai versi lagenda Puteri Saadong yang ditemui di Bukit Marak. Maka kajian ini telah menyelaraskan versi yang dikumpul dan didokumentasikan dalam bentuk produk kreatif untuk mengabadikan memori Puteri Saadong bagi tatapan generasi muda.

Selain itu juga, Nur Amirah Mohd Rafar (2017) menerusi kajian tentang langkah untuk memertabatkan cerita rakyat di Kelantan, khususnya di daerah Bachok dan Kota Bharu dengan mengenal pasti definisi dan konsep tradisi lisan, mengumpul cerita lisan di Kelantan dan mengklasifikasikan cerita-cerita lisan di Kelantan mengikut kategori. Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa cerita lisan di Kelantan merupakan wahana penting kepada masyarakat pendukung kerana pengolahan cerita lisan ini mempunyai keindahan dan kehalusan dalam setiap penyampaiannya.

Seterusnya, kajian lain turut dijalankan oleh Muhammad Izani Ab. Ghani (2018) menerusi perbincangan terhadap nilai budi yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu di daerah Jeli, Kelantan. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai budi yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu di daerah Jeli, Kelantan. Di samping itu, teori pengkaedahan Melayu telah dijadikan sebagai deduktif kajian. Sehubungan itu, melalui pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu ini, adalah menggariskan beberapa pendekatan yang digunakan adalah untuk memastikan perbincangan lebih matang, antaranya pendekatan moral, pendekatan seni, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan dakwah. Selanjutnya, beberapa nilai budi telah ditemui dalam cerita rakyat Melayu di daerah Jeli, Kelantan, iaitu baik hati, kasih sayang, kerajinan, bekerjasama, hemah tinggi, kerjasama, hormat-menghormati, semangat bermasyarakat dan rasional. Sebagai kesimpulannya, kajian ini berjaya menonjolkan nilai budi yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu di daerah Jeli, Kelantan sebagai pancaran kebudayaan orang Melayu pada masa lalu yang dapat dijadikan contoh dalam kalangan masyarakat pada masa kini untuk membentuk budi pekerti mulia.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) pula membincangkan cerita rakyat masyarakat Kelantan di perkampungan Pengkalan Datu. Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan dan kepustakaan bagi memperoleh data. Dapatan kajian dianalisis menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji telah



membataskan 43 naratif lisan yang diperoleh daripada informan kajian di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Selain itu, 22 naratif lisan yang diperoleh turut dianalisis bagi memantapkan kajian. Dapatan kajian membuktikan beberapa penemuan melalui penelitian terperinci terhadap nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan yang menjadi sandaran bagi menonjolkan norma-norma kebudayaan Melayu. Kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan memiliki garapan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan sebagai medium pendidikan kepada masyarakat tempatan.

Selain itu, cerita rakyat Kelantan juga dikupas dalam disiplin lain misalnya pengajian skrin. Fairuladlan Hamadun, Daeng Haliza Daeng Jamal, Izati Nabila Marzuki & Hidayat Hamid (2019) dalam makalah bertajuk *Puteri Saadong: Dari lagenda ke layar perak* membincangkan pengaruh salah seorang puteri lagenda negeri Kelantan, Puteri Saadong. Tuan puteri ini berpengaruh dalam latar sejarah negeri Kelantan yang sering diperikan dalam Penyataan Masalahtradisi lisan masyarakat Melayu. Pelbagai cerita lisan disampaikan sehingga diadaptasi dalam pelbagai bentuk seni persembahan pentas bagi memerihalkan kebitaraan puteri yang dikaitkan dengan Cik Siti Wan Kembang. Walau bagaimanapun, kisah Puteri Saadong kurang diketahui umum khususnya generasi muda walaupun telah banyak dihujahkan secara naratif oleh sarjana tempatan. Maka kajian ini bertujuan meneroka peranan dan sumbangan Puteri Saadong dalam sejarah negeri Kelantan. Menerusi analisis dokumen sumber sekunder khususnya beberapa teks Melayu, didapati pengkisahan semula lagenda Puteri Saadong dilihat perlu bagi menyelami sejarah puteri agung negeri Cik Siti Wan Kembang ini. Pemindahan kisah lagenda Puteri Saadong ke medium teknologi dengan garapan kreatif dilihat berpotensi mengetengahkan sumbangan dan peranannya dalam bentuk yang lebih rapat dan diterima generasi muda. Selain itu, layar perak juga didapati berupaya mengangkat kehebatan puteri yang menjadi sanjungan masyarakat Melayu Kelantan menerusi unsur-unsur mistik dan kesaktian seperti yang digambarkan dalam teks-teks Melayu. Oleh itu, dalam usaha mengangkat martabat dan melindungi sastera lisan daripada dipinggirkan arus pemodenan maka, pengkisahan semula Puteri Saadong dilihat perlu bagi melestarikan warisan budaya masyarakat Melayu.

3.0 Isu dan Permasalahan Berkaitan Cerita Rakyat Melayu

Menerusi pengamatan awal terhadap kajian-kajian sedia ada berdasarkan kepada sorotan kajian lepas dengan jelas memperlihatkan bahawa terdapat kajian-kajian ilmiah yang telah dijalankan oleh para pengkaji di Malaysia terhadap pengkajian cerita rakyat di Kelantan. Sehubungan itu, pengamatan awal turut menjelaskan bahawa kajian-kajian ilmiah telah sedia ada dijalankan terhadap cerita rakyat yang meliputi aspek intrinsik dan ekstrinsik sebagaimana yang dikaji dan diperjuangkan oleh Mohd Azwi Mehrat (2014) dalam kajian bertajuk *Perbandingan kisah Puteri Saadong di antara sumber bertulis dan sumber lisan di Bukit Marak, Kelantan*, Nur Amirah Mohd Rafar (2017) *Langkah memartabatkan cerita rakyat di Bachok dan Kota Bharu*, Muhammad Izani Ab. Ghani (2018) *Nilai Budi Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Daerah Jeli, Kelantan*, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* dan Fairuladlan Hamadun, Daeng Haliza Daeng Jamal, Izati Nabila Marzuki & Hidayat Hamid (2019) dalam makalah bertajuk *Puteri Saadong: Dari lagenda ke layar perak*. Sehubungan itu, adalah jelas daripada kajian-kajian ilmiah sedia ada membuktikan bahawa kajian khusus terhadap



cerita rakyat di Kelantan masih belum mendapat perhatian yang meluas dalam kalangan para pengkaji di Negara ini. Oleh hal yang demikian, kajian terhadap kesusasteraan rakyat Melayu yang lebih bersifat baharu wajar dilakukan untuk mengisi kelompongan kajian-kajian sebelum ini dan kepada menyumbangkan nilai tambah dalam kesusasteraan rakyat Melayu, khususnya dalam konteks cerita rakyat di Kelantan yang akan memberi sumbangan besar kepada masyarakat dan Negara. Berdasarkan kepada pengamatan daripada para pengkaji terhadap kajian-kajian yang dijalankan seperti di atas, dapat diperjelaskan bahawa kajian bersifat ilmiah terhadap cerita rakyat yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu di Kelantan sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, belum di kaji secara sistematik. Hal ini, dengan sendirinya mewujudkan ruang ilmiah yang menuntut kepada pengkajian ilmiah yang khusus. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab pengkaji untuk mengisi kelompongan kajian-kajian sebelum ini dan berhasrat untuk mengisi ruang tersebut dengan meneliti aspek keunikan dialek Kelantan dengan mengenalpasti dan menganalisis nilai murni yang berpusat di Bachok, Kelantan usaha untuk memulihara, memelihara, mendokumentasikan dan memartabatkan cerita rakyat Melayu agar tidak dilupakan oleh generasi pada masa akan datang.

4.0 Metodologi Kajian

Pengkajian ini bersifat kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual. Kaedah Kepustakaan. Keseluruhan bahan bacaan diperolehi dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan. Buku-buku, artikal dan tesis berkaitan dengan aspek-aspek kajian seperti cerita rakyat, dialek, metodologi dan lain-lain yang berkaitan. Kaedah Temu Bual. Temu bual di dijalankan di Kampung Pulau Rusa, Bachok, Kelantan. Para penyelidik menemu bual seorang responden yang berpengalaman, iaitu Mohd Rawi Jusoh. Beliau berusia 69 tahun dan merupakan anak jati Bachok, Kelantan. Ketika penyelidikan ini dijalankan, rakaman video dan foto diguna pakai untuk memastikan penyelidikan ini dapat dijalankan secara sistematik. Soalan-soalan temu Kaedah temu bual ialah kaedah utama yang pengkaji gunakan di tempat kajian. Melalui kaedah ini, beberapa soalan berbentuk lisan telah dikemukakan oleh pengkaji kepada informan yang terpilih dengan skop kajian yang ingin dijalankan. Soalan lisan dikemukakan kepada informan untuk mendapatkan maklumat yang bertepatan dengan tajuk kajian. Soalan-soalan yang dikemukakan kepada informan mengikut kesesuaian cerita yang disampaikan. Rakaman berbentuk video dan audio telah dilakukan untuk membuktikan bagaimana cara penyampaian informan dalam menyampaikan sesebuah cerita yang diperolehi. Seterusnya, rakaman foto juga turut dilakukan di tempat kajian untuk mendapatkan bukti yang kukuh. Akhirnya, hasil dapatan yang diperolehi telah dicatat, disaring dan dikategorikan dengan sah dan tepat agar tidak berlaku kesilapan dan keciciran data semasa menjalankan kajian ini. Sehubungan itu, setiap data yang diperolehi dapat melancarkan proses mengenal pasti dan menganalisis analisis kajian agar dapat dilakukan dengan sistematik.

4.1 Tatacara Penyelidikan Dundes 1965

Merujuk kepada tatacara kajian, pengkaji menggunakan kerangka utama kajian *folklore* oleh Dundes (1965) melalui tiga peringkat, iaitu pengenalpastian, pengumpulan data dan analisis. Peringkat pertama ialah pengenalpastian. Melalui langkah pertama ini, para pengkaji memperoleh cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan. Pengkaji bertemu dan mendapatkan perbincangan awal dengan masyarakat di daerah Bachok, Kelantan.



Rata-rata masyarakat di Bachok kurang arif tentang penyampaian cerita rakyat Melayu. Sehubungan itu, pengkaji berjaya bertemu dengan seorang sumber yang boleh menyampaikan cerita rakyat Melayu dengan baik. Sumber yang dipilih dan ditemu bual ialah Mohd Rawi Jusoh. Beliau anak jati di Bachok dan menetap di Kampung Pulau Rusa. Beliau berusia 69 tahun dan masih sihat. Langkah ini amat penting untuk mamastikan para pengkaji dapat memperoleh cerita rakyat Melayu di daerah Bachok, Kelantan untuk didokumentasikan dan dimartabatkan di Malaysia. Peringkat seterusnya ialah pengumpulan data. Para Pengkaji telah bertemu terlebih dahulu dengan sumber sebelum temu bual dijalankan pada waktu sesuai agar proses untuk memperoleh cerita rakyat Melayu dapat dilaksanakan dengan sistematik. Pada kali pertama perjumpaan, sumber menetapkan masa, tarikh dan tempat untuk menemu bual beliau. Para pengkaji bersetuju dengan kemahuan sumber. Penyelidikan ini dijalankan seramai enam orang ahli secara berkumpulan. Setiap ahli mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing. Sebagai contoh, pencatat cerita, juru kamera, juru video, penemuramah dan juru rakaman suara. Langkah ini penting untuk memastikan penyelidikan ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Setelah mendapat persetujuan bersama, temu bual telah dijalankan di rumah sumber pada waktu lapangan. Temu bual telah dijalankan pada 20 Febuari 2020. Terakhir, peringkat analisis. Kajian ini menganalisis dialek Kelantan dalam konteks nilai-nilai murni yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu. Keseluruhan cerita rakyat Melayu di daerah Bachok dianalisis dengan sempurna. Antara cerita rakyat Melayu yang dibataskan dan dianalisis ialah *Tok Chok Penyelamat Kampung*, *Tok Tangok*, *Bidan Mok Long Haji*, *Tok Pakir Air Hangat*, *Rajuk Seorang Puteri* dan *Mokyong Penyelamat Amukan Penunggu*. Teori pengkaedahan Melayu telah digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 dan dikemuka berlandaskan bahawa semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu yang melahirkan karya sendiri. Sehubungan dengan itu, teori sastera memperlihatkan perutusan serta lontaran idea dan fikiran pengarangnya. Teori pengkaedahan Melayu dibahagikan kepada dua iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Pengkaedahan alamiah yang pertama ialah pendekatan gunaan. Kewujudan objek alam yang mengandungi pelbagai manfaat, hikmat, fungsi dan kegunaan manusia atau khalayak di samping alam digunakan sebagai sumber ilham pengarang diterapkan ke dalam sesebuah karya sastera. Sebuah karya sastera dan alam perlu saling berkaitan demi melahirkan karya yang baik dan bermanfaat untuk menyampaikan pemikiran dan falsafah kehidupan masyarakat. Justeru, kenyataan ini menegaskan bahawa perkaitan di antara manusia dan alam berperanan dalam penghasilan sesebuah karya yang baik dan menarik (Hashim Awang, 2002). Menerusi kajian ini, pengkaji memperincikan pendekatan kemasyarakatan sahaja kerana ianya dijadikan sebagai diduktif kajian. Pendekatan kemasyarakatan dianggap sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam (Hashim Awang, 2002). Melihat karya sastera sebagai alat untuk mencari konsep kebaikan dan keadilan mengikut kaca mata Islam, iaitu mengamalkan falsafah amar makruf nahi mungkar, mengajak melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan mengikut landasan-landasan Islam yang benar dan betul (Hashim Awang, 2002). Konsep amar makruf nahi mungkar bukanlah merujuk kepada konteks ibadat yang khusus atau fardhu ain, tetapi meliputi seluruh sistem kehidupan manusia di Selain



itu, pendekatan kemasyarakatan juga menumpukan kepada soal-soal isi dan tema yang memancarkan permasalahan dalam masyarakat dan kajian juga wajar terarah kepada latar belakang hidup pengarang untuk melihat keselarian dengan persoalan kebajikan masyarakat yang dipaparkan dalam karyanya yang memungkinkan kajian ke arah soal-soal syariah, ibadat, moral, ekonomi, sosial dan politik dari sudut keislaman (Hashim Awang, 2002). Selaras dengan perbincangan di atas, pendekatan kemasyarakatan ini bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan pengukuhan keimanan dan ketakwaan yang boleh diungkap dan dapati dalam sastera Melayu yang berfungsi khusus dengan membawa perutusan besar untuk mensejahterakan dan membahagiakan umat manusia dan secara tidak langsung meletakkan pendekatan ini sebagai 'sastera untuk masyarakat dari perspektif Islam' (Hashim Awang, 2002).

5.0 Analisis dan Dapatan Kajian

5.1 Nilai Baik Hati

Baik hati didefinisikan sebagai perbuatan yang baik dan sistematik serta mampu untuk memberi manfaat kepada masyarakat setempat (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Seterusnya, nilai baik hati ini juga disifatkan sebagai tingkah laku yang mencerminkan sikap keprihatinan terhadap orang lain demi menjaga kebajikan dan mampu untuk memelihara perhubungan sesama masyarakat setempat (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Selain itu, baik hati turut digambarkan sebagai tindak balas melalui perbuatan seseorang individu yang didorong dengan keyakinan yang lahir daripada untuk dilaksanakan agar memberi manfaat berpanjangan kepada orang lain (Rozita Che Rodi, 2019). Hal ini menyebabkan individu yang mempunyai perilaku sedemikian akan dihormati oleh masyarakat kerana kebaikkan budi pekerti yang ditonjolkannya. Kesannya, sikap baik hati ini mampu melahirkan perasaan ikhlas daripada hati kepada individu yang mengamalkannya. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan beberapa aspek nilai baik hati seperti nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa, sikap belas kasihan dan sikap murah hati.

5.2 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Bertimbang Rasa

Sikap bertimbang rasa dalam nilai baik hati didefinisikan sebagai perilaku yang menyimpan rasa, simpati, adil dan selalu membantu orang yang kesusahan (Adli Yacob & Khuzaihan Zakaria, 2008). Di samping itu, bertimbang rasa turut disifatkan seseorang yang mempunyai pemikiran untuk membezakan perbuatan yang baik mahupun buruk secara teliti (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Sementara itu, bertimbang rasa juga digambarkan sebagai tingkah laku individu yang menyimpulkan sebuah keputusan berdasarkan perasaan empati dan pemikiran yang rasional agar bersikap adil untuk menjamin perhubungan yang baik dalam kalangan masyarakat (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Hal ini menyebabkan sesuatu keputusan yang diambil oleh individu telah meliputi kesemua aspek penilaian yang rasional termasuk perasaan simpati terhadap masyarakat.



Perilaku bertimbang rasa ini seharusnya dimiliki oleh setiap manusia bagi memelihara perhubungan yang baik dalam kalangan masyarakat. Sikap bertimbang rasa ini mampu untuk diperhatikan dalam cerita yang bertajuk “Tok Chok Penyelamat Kampung”. Hal ini jelas digambarkan menerusi petikan 1 di bawah:

Petikan 1

Setelah seberapo lamo berkeliare sekitor kapo, akhirnya Tijah menemui Pok Zainul denga Pok Din ye sede leko berkebun. Segera diraih simpati meminto pertolonge demotu bagi kelih ko koeadae Rahimah di sunga. Dale perjalene ko sunga, Pok Zainul merungut ake kealpoe Tijah ye meninggalke Rahimah seore diri di sunga. Diyo bimbe sesuatu ye burok terjadi kepado budok itu. Tijah hanyo kampu jerit mengengenge nasib saingnyo tu.

[Dialek Kelantan]

Setelah seberapa lama berkeliaran sekitar kampung, akhirnya Tijah menemui Pak Zainul dengan Pak Din yang sedang leka berkebun. Segera diraih simpati meminta pertolongan mereka bagi melihat keadaan Rahimah di sungai. Dalam perjalanan ke sungai, Pak Zainul merungut akan kealpaan Tijah yang meninggalkan Rahimah seorang diri di sungai. Dia bimbang sesuatu yang buruk terjadi kepada budak itu. Tijah hanya mampu menangis mengenangkan nasib temannya itu.

[Bahasa Melayu Baku]

(Rawi Jusoh, 2020)

Melalui cerita “Tok Chok Penyelamat Kampung”, tukang cerita memberi gambaran sikap bertimbang rasa yang jelas melalui watak Tijah. Misalnya, watak Tijah yang berusaha menyelamatkan sahabatnya Rahimah yang tiba-tiba kerasukan. Walaupun Tijah pada mulanya panik hingga tidak mengetahui perkara yang perlu dilakukan namun watak tersebut berjaya memikirkan cara untuk meminta pertolongan orang kampung iaitu Pak Zainul dan Pak Din yang ketika itu sedang berkebun. Dengan itu, Rahimah mampu diselamatkan dengan adanya pertolongan Pak Zainul dan Pak Din walaupun tidak berjaya kerana watak Rahimah hilang secara tiba-tiba. Kesimpulannya, sikap bertimbang rasa ini memperlihatkan kebaikan hati seseorang yang berusaha secara maksimum untuk menyelamatkan nyawa orang lain. Hal ini terjadi kerana ianya didorong perasaan simpati dan rasional untuk bertindak secara bijaksana. Hashim Musa (2008) berpendapat bahawa masyarakat Melayu sangat memuliakan masyarakat di sekeliling mereka untuk mewujudkan hubungan baik serta memastikan sifat bertimbang rasa dapat dipraktikkan dalam sebuah kehidupan bermasyarakat, khususnya masyarakat Melayu.

Seterusnya, sikap bertimbang rasa juga diperlihatkan dalam cerita yang bertajuk “Tok Pakir Air Hangat”. Hal ini jelas diperlihatkan melalui petikan 2 seperti dibawah:



Petikan 2

Sabe ari mengemis di tepi jale, Tok Pakir ni sentiaso ake menyedioke ae angkat untuk ore lalu lale di sekitornyo. Tok Pakir ake kuca ae angkat denga nise lalu dibuwike kepada ore rama berhampire denganyo. Biarpon ae ye dibuatnyo hanyo ae panas koso dicapo denga nise namun apabilo diminu kalo panas terik ae itu ake habis jugok kerano dahago. Kebaikkenyo tu menyentoh ati masyarakat kapo walaupun diyo hanyo sore pengemis ye mengemis di tepi jale.

[Dialek Kelantan]

Saban hari mengemis di tepi jalan, Tok Pakir ini sentiasa akan menyediakan air hangat untuk orang lalu lalang di sekitarnya. Tok Pakir akan membancuh air hangat dengan gula melaka lalu diberikan kepada orang ramai berhampiran dengannya. Walaupun air yang dibuatnya hanya air panas kosong dicampur dengan gula melaka namun apabila diminum kala panas terik air itu akan habis juga kerana dahaga. Kebaikkannya itu menyentuh hati masyarakat kampung walaupun dia hanya seorang pengemis yang mengemis di tepi jalan.

[Bahasa Melayu Baku]

(Rawi Jusoh, 2020)

Melalui cerita “Tok Pakir Air Hangat”, tukang cerita memberi gambaran secara jelas mengenai sikap bertimbang rasa melalui watak Tok Pakir. Watak ini diperlihatkan menyediakan air hangat kepada orang disekelilingnya tanpa meminta bayaran ke atas segelas air yang dihulurkannya. Kebaikkan hati Tok Pakir ini memperlihatkan sikap bertimbang rasanya kerana mengetahui keadaan yang panas terik itu membuatkan ramai yang dahaga. Oleh itu, jelaslah bahawa sikap bertimbang rasa ini lahir daripada perasaan prihatin individu terhadap masyarakat sekelilingnya. Maka, setiap perbuatan yang dilakukan melalui sikap bertimbang rasa oleh seseorang manusia itu akan memberi manfaat kepada masyarakat di sekelilingnya daripada sudut yang positif. Kesannya, masyarakat akan hidup secara rukun dan damai kerana mempunyai perhubungan yang baik sesama mereka. Terakhirnya, bertimbang rasa merupakan sebahagian dari gagasan pemikiran yang dapat mewujudkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian serta mengekalkan perpaduan dalam masyarakat Melayu (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa sikap bertimbang rasa merupakan suatu perilaku mulia yang semestinya dimiliki dan dipupuk oleh setiap manusia demi mewujudkan perpaduan erat dalam kalangan masyarakat.

Sikap bertimbang rasa juga bertunjangan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini, kerana pendekatan kemasyarakatan berfungsi sebagai medium kesejahteraan hidup bermasyarakat, penguatan keimanan dan ketakwaan yang membawa kepada kebaikan (Hashim Awang, 2002). Contohnya, kajian terhadap cerita-cerita lisan melalui



nilai baik hati dalam konteks sikap bertimbang rasa ini membuktikan bahawa informan menggambarkan ketinggian akhlak setiap manusia yang dapat membentuk sikap bertimbang rasa dan wujudnya suatu perasaan bersimpati terhadap penderitaan hidup orang lain dan ikhlas untuk memberi pertolongan demi menjaga kebajikan dalam kalangan masyarakat tanpa mengira umur, pangkat, bangsa dan agama. Sesungguhnya, sikap bertimbang rasa satu sifat yang mulia, dituntut dalam agama Islam dan rasa simpati yang wujud dalam setiap jiwa manusia mendorong kita untuk memberi pertolongan kepada orang lain sebagai alat untuk mengeratkan tali persaudaraan sesama mukmin. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa setiap manusia yang menyemai sikap bertimbang rasa dalam dirinya dapat membentuk sahsiah dan peribadi mulia, mewujudkan keamanan dan kesejahteraan serta suatu proses untuk mereka mendekati diri kepada Allah SWT di samping meningkatkan keimanan dan ketakwaan yang membawa ke jalan yang benar.

5.3 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Belas Kasihan

Belas kasihan didefinisikan sebagai individu yang memperlihatkan perasaan kasihan terhadap masyarakat yang mengalami kesusahan hidup (Adli Yacob & Khuzaihan Zakaria, 2008). Seterusnya, belas kasihan digambarkan sebagai sikap sedih atau empati yang lahir daripada hati oleh seseorang individu melalui pengamatan terhadap masyarakat mahupun alam semula jadi (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Selain itu, belas kasihan disifatkan sebagai perasaan hiba mahupun sedih yang hadir dalam diri seseorang ketika melihat kesusahan hidup yang dihadapi oleh orang lain dan berusaha untuk membantu setakat yang termampu oleh individu tersebut (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Oleh itu, jelaslah bahawa belas kasihan merupakan sifat lembut yang hadir melalui hati menerusi gambaran sedih mahupun hiba dalam diri seseorang individu. Kesannya, individu yang memiliki perasaan ini akan turut sama-sama membantu masyarakat yang kesusahan mengikut keupayaannya dan menjadikan keharmonian dalam kalangan masyarakat mampu dibina secara optimis.

Sehubungan dengan itu, nilai baik hati melalui sikap belas kasihan ini mampu dilihat menerusi cerita “Mak Yong Penyelamat Amukan Penunggu”. Hal ini jelas diperlihatkan melalui petikan 3 seperti dibawah:

Petikan 3

Suatu ari, ketika Pok Awang berado di tengah laute sambil menjalo ike. Diyo telah terjalo sekor ike ye agok besor berbanding ye laenno. Diyi merasoke teramat gembiro de ingin pule untuk menyuroh bininyo, Mok Kenanga masak gulai denga ike tu. Apabila diyo menaruh ike tu didale baldi, ike tu berkato “Tulo lepaske ambo, ambo mempunyoi anak ye masih kecil”. Pok Awang tergame mendengor ike tu mampu berkato-kato. Dek kerano kasihe mendengor rintih ike tu, lalu Pok Awang melepaske ike tu lalu pule ko rumoh denga membawo baki ike ye laenno. Perbuate Pok Awang tu tanpo disedori telah diperhatike oleh seseore.



[Dialek Kelantan]

Suatu hari, ketika Pak Awang berada di tengah lautan sambil menjala ikan. Dia telah terjala seekor ikan yang agak besar berbanding yang lainnya. Dia merasa teramat gembira dan ingin pulang untuk menyuruh isterinya, Mak Kenaga masak gulai dengan ikan itu. Apabila dia menaruh ikan itu didalam baldi, ikan itu telah berkata “Tolong lepaskan aku, aku mempunyai anak yang masih kecil”. Pak Awang tergamam mendengar ikan itu mampu berkata-kata. Dek kerana kasihan mendengar rintihan ikan itu, lalu Pak Awang melepaskan ikan itu lalu pulang ke rumah dengan membawa baki ikan yang lainnya. Perbuatan Pak Awang itu tanpa disedarinya telah diperhatikan oleh seseorang.

[Bahasa Melayu Baku]

(Rawi Jusoh, 2020)

Di samping itu, melalui cerita “Mak Yong Penyelamat Amukan Penunggu” memperlihatkan sikap belas kasihan menerusi watak Pak Awang. Watak Pak Awang ini merupakan seorang nelayan yang menjala ikan di tengah lautan telah menemukan seekor ikan yang mampu berkata-kata. Oleh kerana mempunyai belas kasihan dalam diri, Pak Awang telah melepaskan ikan tersebut. Hal ini kerana jika ditangkap ikan tersebut, maka dibimbangi anak-anak ikan tersebut akan hilang tempat berteduh kerana ketiadaan ibu mereka. Natijahnya, perasaan belas kasihan yang menguasai diri seseorang akan membolehkan individu tersebut bersikap secara rasional yang menzahirkan perasaan hiba melalui perbuatannya. Hal ini berlaku kerana hati yang baik akan menjadikan seseorang bersikap optimis melalui tingkah lakunya terhadap masyarakat mahupun alam sekeliling.

Selain itu melalui cerita “Tok Tangok” turut memperlihatkan sikap belas kasihan dalam penceritaannya. Sikap belas kasihan itu mampu dilihat menerusi petikan 4 seperti di bawah:

Petikan 4

Ketiko Puteri Saadong menjadi tawane Rajo Siam, Tok Tangok menjadi ore kuat ye menente perilaku Rajo Siam tu. Namun kerano akur denga kato-kato Puteri Saadong membuatke diyo menurut perintah pado ketiko tu. Ketiko Puteri Saadong pule ko Kelate, Tok Ta Bar salah seore hulubale setio Rajo Siam menghantor Puteri Saadong kembali. Kelih ko Puteri Saadong dilaye sebagai tawane Rajo Siam menyebabkanke Tok Tangok teloh naik anging. Mako berlakulah pergadohe antaro Tok Tangok dengan Tok Ta Bar.

[Dialek Kelantan]



Ketika Puteri Saadong menjadi tawanan Raja Siam, Tok Tangok menjadi orang kuat yang menentang perilaku Raja Siam itu. Namun kerana akur dengan kata-kata Puteri Saadong membuatkan dia menurut perintah pemerintah pada ketika itu. Ketika Puteri Saadong pulang ke Kelantan, Tok Ta Bar salah seorang hulubalang setia Raja Siam menghantar Puteri Saadong kembali. Melihatkan Puteri Saadong dilayan sebagai tawanan Raja Siam menyebabkan Tok Tangok telah naik angin. Maka berlakulah pergaduhan antara Tok Tangok dengan Tok Ta Bar.

[Bahasa Melayu Baku]

(Rawi Jusoh, 2020)

Melalui cerita “Tok Tangok”, tukang cerita telah mengenegahkan sikap belas kasihan melalui watak Tok Tangok. Tok tangok ini merupakan hulubalang kepercayaan Puteri Saadong dan seorang hulubalang yang taat kepada pemerintahnya. Hal demikian membuatkan Tok Tangok tidak membantah perintah Puteri Saadong sewaktu si bawa ke Siam. Namun, akibat perbuatan melampau Raja Siam yang mengikat Puteri Saadong seperti tebusan itu telah menaikkan perasaan marah dalam diri Tok Tangok. Hal ini kerana timbulnya perasaan belas kasihan dalam diri Tok Tangok apabila melihat pemerintah negerinya diperlakukan seperti penjenayah. Perasaan belas kasihan itu telah membuatkan berlakunya pergaduhan antara Tok Tangok dengan Tok Ta Bar, hulubalang Raja Siam pada ketika itu bagi membela kehormatan Puteri Saadong. Aboebakar Atjeh (1988) telah menegaskan bahawa masyarakat Melayu yang beragama Islam dapat memupuk sifat belas kasihan dengan adanya tahap keimanan yang utuh dari diri masyarakatnya dan Islam akhirnya akan membuahkan kepada sifat belas kasihan. Hal ini, kerana sikap belas kasihan ini menggambarkan ketamadunan masyarakat Melayu yang unggul dan merangkumi segala tuntutan dalam Islam, sepertimana diperintah daripada Allah SWT.

Rentetan daripada itu, sikap belas kasihan bertunjangkan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini, kerana pendekatan kemasyarakatan berfungsi sebagai medium kesejahteraan hidup bermasyarakat, pengukuhan keimanan dan ketakwaan yang membawa kepada kebaikan (Hashim Awang, 2002). Contohnya, kajian terhadap nilai baik hati dalam konteks sikap belas kasihan ini membuktikan bahawa informan menggambarkan secara jelas cara masyarakat yang saling memberi pertolongan demi memenuhi keperluan dan kebajikan antara mereka. Sesungguhnya, sikap belas kasihan ini menimbulkan kesan emosi dalam diri setiap individu untuk berasa hiba dan sedih serta segera memberi pertolongan kepada insan-insan yang memerlukan. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa pendekatan kemasyarakatan berlandaskan kepada medium mendidik jiwa manusia untuk sentiasa melakukan kebaikan demi mewujudkan suasana yang sejahtera, harmoni, aman-damai dan mendekati diri kepada Allah SWT, di samping untuk memperkukuhkan nilai keimanan dan ketakwaan sekali gus membentuk jiwa yang kudus.



5.4 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Murah Hati

Sikap murah hati digambarkan sebagai sifat yang dipuji oleh masyarakat kerana ketulusan hati dalam memberi mahupun merelakan sesuatu perkara dilaksanakan atau diperolehi kepada orang lain (Adli Yacob & Khuzaihan Zakaria, 2008). Sementara itu, sikap murah hati didefinisikan sebagai sesuatu sifat yang dizahirkan melalui kebaikan hati seseorang individu yang mencerminkan pewatakan penyayang serta pengasih terhadap masyarakat sekeliling (*Kamus Pelajar Bahasa Melayu*, 2016). Dalam pada itu, sikap murah hati disifatkan sebagai kelakuan yang hadir melalui keikhlasan hati bagi membolehkan ianya dilaksanakan dalam kalangan masyarakat dan memberi manfaat yang positif kepada yang mengamalkannya. Sehubungan dengan itu, petikan 5 memaparkan nilai baik hati melalui sikap murah hati melalui cerita “Rajuk Seorang Puteri” seperti di bawah:

Petikan 5

Di Bukit Marak, Puteri Saadong ni teloh menenun kain bagi menghileke kebosanenyo di sano. Tenune ye cantik lagi menarik tu dibuat pakaian bagindo. Keberadoe bagindo Puteri Saadong di Bukit Marak diketahui oleh penduduk kapo tu. Oleh kerano Puteri Saadong merupoke puteri bunie, ramalah penduduk setempat date untuk meminto pingge mangkuk untuk dibuat majlis bekwoh perkahwine, doa selamat de tahlil. Namun dok ssemu dapat kelih kejelitoe Puteri Saadong biarpon demotu sokmo date meminje mangkuk denga bagindo. Demotu hanyo mampu kelih ko jari jemarinyo sahajo kelihate. Kelih ko jari ye cukup memukau, penduduk merasoke bagindo Puteri Saadong adolah sore ye cantik dok terkato oleh ucape manusio serupo demotu.

[Dialek Kelantan]

Di Bukit Marak, Puteri Saadong ini telah menenun kain bagi menghilangkan kebosanannya di sana. Tenunan yang cantik lagi menarik itu dibuat pakaian baginda. Keberadaan baginda Puteri Saadong di Bukit Marak diketahui oleh penduduk kampung itu. Oleh kerana Puteri Saadong merupakan puteri bunian, ramailah penduduk setempat datang untuk meminta pinggan mangkuk untuk dibuat majlis kenduri perkahwinan, doa selamat dan tahlil. Namun tidak semua dapat melihat kejelitaan Puteri Saadong biarpun mereka sering datang meminjam mangkuk dengan baginda. Mereka hanya mampu memandangi jari jemarinya sahaja kelihatan. Melihatkan jari yang cukup memukau, penduduk merasakan baginda Puteri Saadong adalah seorang yang cantik tidak terkata oleh ucapan manusia seperti mereka.

[Bahasa Melayu Baku]

(Rawi Jusoh, 2020)

Melalui cerita “Rajuk Seorang Puteri”, tukang cerita memberi gambaran yang jelas mengenai sikap murah hati yang ada dalam watak Puteri Saadong. Puteri Saadong



merupakan puteri raja yang cantik pada pandangan masyarakat di Bukit Marak. Baginda sering menunaikan permintaan masyarakat di Bukit Marak yang datang menemuinya pada waktu itu. Baginda sering memberikan pinggan mangkuk kepada masyarakat yang ingin mengadakan kenduri. Hal ini kerana masyarakat setempat merupakan orang susah dan tidak mampu untuk mendapatkan pinggan mangkuk sepertimana yang diperolehi daripada Puteri Saadong. Hal kerana Puteri Saadong memiliki perasaan penyayang dan pengasih terhadap masyarakat setempat sehingga sanggup memberikan pinggan mangkuknya walaupun tidak dikembalikan dalam keadaan yang baik. Kesannya, sikap murah hati mampu untuk menjadi satu landasan kepada Puteri Saadong untuk berkomunikasi sesama mereka dalam kalangan masyarakat setempat melalui perlakuan yang baik serta memberi manfaat kepada orang sekeliling. Hashim Musa (2008) pula menegaskan bahawa orang yang dirinya dihiasi dengan sifat dermawan sudah pasti memahami semangat persaudaraan yang perlu diutamakan dan mengasihi sesama insan sebagai mana ia mengasihi dirinya sendiri adalah manifestasi dorongan iman yang kuat, di samping menyedari setiap rezeki dimiliki hanyalah pinjaman Allah SWT untuk diurus sebaik-baiknya. Oleh itu, apabila ada seseorang ditimpa kesusahan, kita akan segera menghulurkan bantuan mengikut kemampuan yang ada, sekalipun dirinya sendiri tersepit dalam kesusahan.

Lain daripada itu, cerita “Bidan Mak Long Haji” juga memperlihatkan sikap murah hati dalam penceritaannya. Ianya dapat diperlihatkan melalui petikan 6 seperti di bawah:

Petikan 6

Pado suatu ari ye hening, Milah ingin melahirke anak sulongnyo. Mako lakinyo, Hamzah segero memanggil Mok Long Haji bagi menyambut kelahire anaknyo. Sesudoh lahirnyo anak Hamzah de Milah, mok Hamzah menjemput Mok Long Haji untuk menjamah makane ae ye sudoh siap dihideke. Tetapi menjadi pate lare Mok Long Haji untuk dok menjamah makane du rumah pesakit. Hal ni dipercayoi bahawo ake membawo kemudarate kepada Mok Long Haji. Hamzah menghulurke sikit sumbange kepada Mok Long Haji bagi melahirke raso syukor atah kelahire cahayo matonyo ye pertamo. Disebabke tu Mok Long Haji terkenal dale kalange penduduk kapo ni kerano sikapnyo ye suko membantu, kemaafe de adil dale membui pertulonge.

[Dialek Kelantan]

Pada suatu hari yang hening, Milah ingin melahirkan anak sulungnya. Maka suaminya, Hamzah segera memanggil Mok Long Haji bagi menyambut kelahiran anaknya. Sesudah lahirnya anak Hamzah dan Milah, ibu Hamzah menjemput Mok Long Haji untuk menjamah air yang sudah siap dihidangkan. Tetapi menjadi pantang larang Mok Long Haji untuk tidak menjamah makanan di rumah pesakit. Hal ini dipercayai bahawa akan membawa kemudaran kepada Mok Long Haji. Hamzah menghulurkan sedikit sumbangan kepada Mok Long Haji bagi melahirkan rasa syukur atas kelahiran cahaya matanya yang pertama. Disebabkan itu Mok Long Haji terkenal dalam kalangan penduduk



kampung ini kerana sikapnya yang suka membantu, kemaafan dan adil dalam memberi pertolongan.

[Bahasa Melayu Baku]

(Rawi Jusoh, 2020)

Melalui cerita “Bidan Mok Long Haji”, tukang cerita telah menjelaskan sikap murah hati melalui watak Mok Long Haji yang merupakan seorang bidan kampung. Watak ini sering membantu penduduk kampung yang ingin melahirkan di kampung tersebut. Biarpun terdapat beberapa pantang larang yang dipegang oleh Mok Long Haji, namun dia sentiasa berusaha untuk saling menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan terutama dalam bidang perubatan tradisional wanita mengikut keupayaannya. Kemurahan hati Mok Long Haji ini dilihat menerusi sikap suka membantu dalam kalangan masyarakat tanpa mengira penat lelah. Hal ini kerana keikhlasan hati Mok Long Haji dalam membantu orang lain agar memudahkan urusan dan mengharmonikan perhubungan dalam kalangan masyarakat. Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) berpendapat bahawa sikap dermawan merupakan sifat yang sudah menjadi tradisi kuat dalam kehidupan masyarakat Melayu dan mereka telah mengamalkan sifat ini dalam diri mereka dan dapat melahirkan masyarakat yang harmonis dan aman sejahtera.

Sikap pemurah bertunjangkan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini, kerana pendekatan kemasyarakatan berfungsi sebagai medium kesejahteraan hidup bermasyarakat, penguatan keimanan dan ketakwaan yang membawa kepada kebaikan (Hashim Awang, 2002). Contohnya, kajian terhadap cerita-cerita lisan melalui nilai baik hati dalam konteks sikap pemurah ini membuktikan bahawa informan menggambarkan sikap pemurah yang dimiliki oleh manusia untuk berkongsi harta benda demi meringankan beban masyarakat yang susah dan menghargai pengorbanan mereka. Sesungguhnya, sikap pemurah merupakan perbuatan mulia dalam kalangan masyarakat dan dimuliakan di sisi Allah SWT. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa sikap pemurah yang dimiliki oleh manusia dalam usaha untuk memberi pertolongan kepada orang lain demi mengeratkan silaturahim dalam kelompok masyarakat serta mendorong kepada manifestasi iman yang kuat, membentuk kesejahteraan, meningkatkan keimanan amal soleh sekali gus melahirkan insan-insan yang berhati mulia.

6.0 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, cerita rakyat Melayu merupakan khazanah peninggalan nenek moyang yang cukup berharga dan sewajarnya dipulihara dan dipelihara sampai ke bila-bila. Oleh itu, generasi muda khususnya, sewajarnya melihat cerita rakyat Melayu sebagai medium yang boleh membentuk peribadi mulia kepada mereka kerana ianya bukan bahan hiburan yang penuh imajinasi tahyul dan jelik malah memiliki plot cerita yang tersusun serta menarik untuk dibaca. Oleh hal yang demikian, ternyata, nilai murni melalui sikap belas kasihan, bertimbang rasa dan murah hati dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan mampu dijadikan sebagaitunjang kepada pembentukan sahsiah diri mulia dalam kalangan masyarakat. Seajar dengan itu, kajian



ini dapat membuktikan kepada masyarakat bahawa cerita rakyat Melayu kaya dengan nilai murni yang dapat dijadikan sebagai medium didaktik kepada manusia dan sebagai cerminan kebudayaan masyarakat Melayu.

7.0 Penghargaan

Makalah/artikal ini disokong oleh Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek (SGJP) R/SGJP/A0200/01728A/001/2019/00635. Universiti Malaysia Kelantan.

Rujukan

Aboebakar Atjeh. (1988). *Akhlak dalam Islam*. Edisi Ketiga. Kota Bharu: Pustaka Alam.

Adli Yacob & Khuzaihan Zakaria. (2008). *Kamus Bahasa Melayu*. SelangorCrescent News (KL) Sdn. Bhd.

Dundes, A. (1965). *The Story of Folklore*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.

Fairuladlan Hamadun, Daeng Haliza Daeng Jamal, Izati Nabila Marzuki & Hidayat Hamid. (2019). *Puteri Saadong: Dari lagenda ke layar perak*. Pameran *Carnival Research and Innovation*, Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaysia Kelantan, 7 Februari.

Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.

Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.

Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Pelajar Bahasa Melayu. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustak

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2018). Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)*. 5 (2), 91-97.

Muhammad Azwi Mehrat. (2014). Perbandingan kisah Puteri Saadong di antara sumber bertulis dan sumber lisan di Bukit Marak, Kelantan. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.

Muhammad Izani Ab. Ghani. (2018). *Nilai-Nilai Budi dalam Cerita Rakyat di Daerah Jeli, Kelantan*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.



- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Seuntai Nilai-Nilai Murni Dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Nur Amirah Mohd Rafar. (2017). Pengumpulan dan Pengklasifikasian CeritaCerita Lisan Kelantan: Kajian Kes di Daerah Kota Bharu dan Bachok. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Rozita Che Rodi. 2019. Hati Budi Melayu dalam Pengajian Melayu: Analisis Kata Fokus Nilai Berdasarkan Teori Medan Makna. *E-prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kebudayaan*. 24-25 April.

